# JABATAN KEJURUTERAAN

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI



# KEJURUTERAAN

## PERMOHONAN PENGOREKAN JALAN YANG DISELENGGARA OLEH MBSP

1. Permohonan pengorekan jalan hendaklah daripada Syarikat Pemaju/ Juruperunding/ Syarikat Utiliti/ [iaitu Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Maxis, Celcom dan lain-lain syarikat utiliti.



2. Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut:
   - i. Borang permohonan
   - ii. Pelan dan gambar jajaran pengorekan
   - iii. Pelan Utiliti
   - iv. Sijil kelayakan untuk menjalankan kerja perparitan



3. MBSP akan memproses permohonan tersebut dan mengenakan cagaran pembayaran deposit kepada dan syarat-syarat pengorekan jalan.

4. Apabila bayaran telah dijelaskan, pihak MBSP akan mengeluarkan permit kepada pemohon untuk kerja-kerja pengorekan jalan.

5. Setelah kerja-kerja menurap jalan selesai dijalankan satu ujian ketebalan jalan dan *California Bearing Ratio* akan dilaksanakan bagi memastikan ketebalan dan kualiti jalan tersebut mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

6. Selepas 1 tahun, pemohon boleh mengemukakan surat tuntutan cagaran bayaran deposit dengan mengemukakan resit asal bayaran.

## PERMOHONAN UNTUK MEMBINA BONGGOL JALAN *(ROAD HUMP)* DI SEBERANG PERAI

### BAGAIMANA CARA UNTUK MEMOHON

1. Permohonan perlu dikemukakan melalui Yang Berhormat, Ahli Majlis, Persatuan Penduduk atau Rukun Tetangga.

2. Permohonan boleh mendapatkan borang permohonan di Jabatan Kejuruteraan tingkat 4 Menara MBSP atau muat turun di http://www.mbsp.gov.my/borang/kejuruteraan/bonggoljalan

3. Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut:
   i. Borang permohonan
   ii. Pelan tapak/lokasi
   iii. Surat persetujuan/ tandatangan daripada penghuni rumah dimana bonggol akan dibina





### KRITERIA-KRITERIA TEMPAT YANG SESUAI DIBINA BONGGOL JALAN

1. Jalan pintas yang sibuk seperti jalan yang menghubungkan dua [2] taman perumahan
2. Berhampiran Kawasan tumpuan orang ramai seperti surau, taman permainan, tadika, rumah ibadat dan sebagainya.
3. Berdekatan lampu jalan sedia ada
4. Jarak dia antara bonggol sedia ada yang bersesuaian.
5. Tidak terdapat tempat letak kereta di kiri atau kanan jalan atau kedua-duanya.

# PERMOHONAN UNTUK PEMASANGAN LAMPU JALAN AWAM MBSP



## LAMPU JALAN AWAM MBSP

1. Lampu jalan awam disediakan oleh pihak Majlis untuk keselamatan dan keselesaan pada waktu malam bagi seluruh penduduk Kawasan Seberang Perai.

2. Semua pemasangan lampu awam tersebut adalah dipersetujui oleh Jawatankuasa Lalulintas & Infrastruktur Majlis untuk dilaksanakan

3. Lampu-lampu tersebut akan dipasang dan diselenggara oleh TNB sepenuhnya. **(Talian Aduan Kerosakan TNB-15454)**



## BAGAIMANA CARA UNTUK MEMOHON

1. Permohonan lampu jalan di tiang-tiang sedia ada hendaklah melalui Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri [ADUN], Ahli Majlis, MPKK, Persatuan Penduduk & Rukun Tetangga.

2. Bagi permohonan lampu jalan & tiang baru hanya akan dilaksanakan apabila Ahli Parlimen/ ADUN kawasan bersetuju untuk menggunakan peruntukan Parlimen/ ADUN masing-masing bagi membiayai kos pemasanagn tiang dan lampu jalan tersebut.

3. Setiap permohonan hendaklah melalui Borang Permohonan Lampu Jalan MBSP yang disediakan yang diisikan dengan lengkap dan disertakan pelan lokasi yang jelas. [Lampiran C]

4. Borang permohonan boleh didapati di Tingkat 4 [Jabatan Kejuruteraan] Menara MBSP Bandar Perda atau di laman web MBSP [www.mbsp.gov.my].

# GARIS PANDUAN/ DASAR PEMASANGAN LAMPU JALAN DAN TEMPAT YANG SESUAI

1. Pemasangan lampu adalah berdasarkan jenis-jenis jalan dan kedudukan tiang.

| | |
|---|---|
| a. Jalan Persekutuan | Lampu dipasang pada setiap tiang |
| b. Jalan Negeri [sibuk] | Lampu dipasang pada setiap tiang |
| c. Jalan Negeri [kurang sibuk] | Lampu dipasang selang satu [1] atau dua [2] tiang |
| d. Jalan Taman Perumahan | Lampu dipasang selang satu [1] tiang |
| e. Jalan Utama Kampung | Lampu dipasang selang satu [1] tiang |

2. Jalan-jalan yang berbahaya, selekoh, pondok bas, bonggol jalan dewan, masjid, surau, rumah ibadat, sekolah dan lain-lain tempat tumpuan awam adalah wajar dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Lalulintas & Infrastruktur untuk pemasangan.

3. **Tiada** pemasangan lampu di belakang rumah *[back lane]*, dalam kawasan berpagar dan lot-lot tanah persendirian.



LAMPIRAN C (i)

KOD | | | | / | | / | | | / |

**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**BORANG PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU JALAN AWAM MBSP**

**MAKLUMAT PEMOHON**

Nama Pemohon : ______

Alamat : ______

Kawasan parlimen : ______

Kawasan KADUN : ______

No. Tel Pemohon : ______

**MAKLUMAT PERMOHONAN DAN SOKONGAN PEMASANGAN**

☐ Permohonan lampu jalan awam pada tiang sedia ada ( bagi tiang yang tiada lampu ):-

Bil. Lampu : ______

No. Tiang : ______

Nama Tempat/Kg/Jalan : ______

☐ Pemohonan tiang dan lampu jalan awam ( bagi tiang yang tiada lampu ) :-

Bil. Tiang : ______ Bil. Lampu : ______

Nama Tempat/Kg/Jalan : ______

Sebab-sebab pemohonan : ______

Dipohon oleh : Disokong oleh ( **WAJIB** ) :

( Tandatangan ) ( Tandatangan dan Cop Rasmi)

***Nota & rujukan bagi pemohon dan pihak yang memberi sokongan:-***

*i. Sila tandakan ☐/ pada kotak yang berkenaan.*

*ii. **WAJIB** disertakan bersama pelan lokasi lengkap bagi permohonan lampu jalan awam ini.*

*iii. Permohonan mestilah melalui @ disokong oleh Ahli Parlimen/ ADUN/ Ahli Majlis MBSP/ JKKK/ MPKK/ Persatuan Penduduk/ Kawasan Rukun Tertangga (KRT).*

*iv. Anggaran kasar kos pemasangan bagi :-*

*a. Caj sesalur pada tiang sedia ada – RM 500.00 – RM 800.00 seunit*

*b. Tambahan tiang & caj sesalur – RM 1, 200.00 – RM 1, 500.00 seunit*

*Anggaran kos ini adalah sebagai rujukan sahaja. Kos pemasangan sebenar adalah bergantung kepada caj yang akan dikemukakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad ( TNB )*

*v. MBSP akan membiayai kos bayaran bil elektrik bulanan yang mana ianya termasuk kos penyelenggaraan yang dilakukan oleh pihak TNB.*

***Untuk Kegunaan Pejabat :-***

*- Tarikh Lawatan Tapak : ______ Permohonan ☐ Diterima : ______ ☐ Ditolak : ______*

*(Tandatangan dan Cop Pegawai)*

*Unit Elektrik Jabatan Kejuruteraan*

*Kemaskini: 25 Ogos 2020*



LAMPIRAN C (ii)

**PELAN LOKASI PERMOHONAN PEMASANGAN LAMPU JALAN AWAM MBSP**

**( LOKASI : )**

**PETUNJUK :-**

| | |
|---|---|
| ○ | Cadangan tiang |
| ○▷ | Cadangan tiang dan lampu |
| ● | Tiang sedia ada |
| ●▷ | Cadangan lampu di tiang sedia ada |
| ●▶ | Tiang dan lampu sedia ada |

[illegible]

